

# Pusat fail tindakan tuntut hak tanah adat Orang Asli

➔ Injunksi juga dimohon halang pencerobohan pihak swasta di Gua Musang

■ Kuala Lumpur

Jabatan Peguam Negara telah memfaikan tindakan sivil di Mahkamah Tinggi Kota Bharu bagi pihak Kerajaan Persekutuan, antara lain untuk mendapatkan pengiktirafan hak tanah adat Orang Asli Temiar di Pos Simpor berdekatan Gua Musang.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam, yang memetik Peguam Negara, Tommy Thomas, turut difaikan adalah injunksi bagi menghalang pencerobohan dan pemusnahan tanah adat demi keuntungan komersial pihak swasta.

Buat pertama kali sejak keperluan, Kerajaan Persekutuan mengambil tindakan prosiding mahkamah bagi pihak Orang Asli dalam memberikan pengiktirafan tanggungjawab Perlembagaan dan perundangan untuk melindungi serta menggalakkan kesejahteraan dan kemajuan mereka, kata-

nya.

"Sedar akan keperitan yang dialami oleh Orang Asli, Perdana Menteri dan Kabinet telah memutuskan bahawa prosiding undang-undang harus dipertim-

bangkan untuk mencerminkan komitmen Kerajaan Persekutuan terhadap Orang Asli. Tambahan pula, ini menepati janji manifesto.

"Defendant-defendant ialah Kerajaan Kelantan, Pengarah Tanah dan Galian Kelantan, Pengarah Jabatan Perhutanan Kelantan serta lima entiti swasta. Benefisiari tindakan ini ialah Orang Asli. Litigasi ini tidak membabitkan sebarang tanggungan kos bagi Orang Asli," katanya.

Menurut kenyataan itu, Kerajaan Kelantan dan agensinya baru-baru ini telah mengeluarkan lesen pembalakan kepada syarikat swasta, dan dengan menggunakan jentera berat, mereka telah menebang dan membawa keluar kayu balak dari kawasan hutan luas, yang diterangi untuk dijadikan ladang durian dan pokok getah.

## Kerajaan Kelantan tak runding

Namun, katanya, Kerajaan Kelantan tidak berunding dengan Orang Asli Temiar sebelum meluluskan lesen pembalakan atau menawarkan apa-apa pamasan atas penafian hak tanah adat dan sumber keperluan Orang Asli.

Thomas berkata, tindakan itu telah mengakibatkan Orang Asli Temiar dinafikan tanah adat dan sumber serta menyebabkan hakisan, pencemaran dan kemasuhan teruk terhadap sistem ekologi dan landskap Pos Simpor.

Menurut kenyataan itu lagi, walaupun Kerajaan Kelantan mempunyai bidang kuasa ke

atas perkara berkaitan tanah, perhutanan dan galian, mereka turut terikat dengan kewajipan utama dan tidak boleh dikecualikan untuk melindungi dan memelihara kesejahteraan Orang Asli Temiar.

"Malangnya, hak asasi Orang Asli sebagai warganegara telah diabaikan dan dilanggar untuk sekian lamanya. Penebangan hutan berleluasa dan pembangunan komersial telah menerobos masuk ke dalam wilayah adat Orang Asli."

"Dalam kebanyakan keadaan, Orang Asli tidak dirundingi, malah langsung tidak dipertimb-

bangkan. Jarang sekali mereka diberi pampasan yang adil. Mereka biasanya mengelak daripada memberikan tentangan atau konfrontasi secara langsung dan sebaliknya berundur jauh ke dalam hutan," tambahnya.

Menurut kenyataan itu, mana-mana Orang Asli yang cuba bertahan dan mempertahankan tanah adat mereka akan berdepan kuasa yang amat tidak seimbang, terpaksa berlawan dengan pihak berkuasa dan bersumber tanpa sesiapa pun berjuang untuk mereka.

## Hak asasi Orang Asli diiktiraf

Kata kenyataan itu lagi, hak asasi Orang Asli di seluruh dunia telah diiktiraf, diisytihar dan diakuatkuasakan dalam kes-kes yang mendapat perhatian mahkamah seperti mahkamah tertinggi di Australia, Kanada dan India yang telah mengiktiraf sejumlah hak-hak orang asal mereka atau 'first nations'.

"Sudah tiba masa Malaysia turut bersama negara-negara yang mengiktiraf dan melindungi hak-hak Orang Asli," katanya.

Thomas berkata, Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Hak Orang Asal 2007 (UNDRIP) menekankan prinsip persetujuan yang bebas, terdahulu dan termaklum oleh mereka yang akan terkesan dengan cadangan kerja-kerja komersial dan dengan itu memberikan sokongan undang-undang antarabangsa awam kepada Orang Asli di dunia.

BERNAMA



Defendant-defendant ialah Kerajaan Kelantan, Pengarah Tanah dan Galian Kelantan, Pengarah Jabatan Perhutanan Kelantan serta lima entiti swasta. Benefisiari tindakan ini ialah Orang Asli. Litigasi ini tidak membabitkan sebarang tanggungan kos bagi Orang Asli"

## Kenyataan Pejabat Peguam Negara

## Sebutan kes saman 22 Januari

**Kuala Lumpur:** Kes saman yang difaikan Kerajaan Persekutuan terhadap kerajaan negeri Kelantan dan tujuh lagi untuk mendapatkan pengiktirafan hak tanah adat Orang Asli Temiar di Pos Simpor berdekatan Gua Musang, akan disebut 22 Januari ini.

Menurut senarai kes mahkamah, kes itu akan didengar di hadapan Pesuruhjaya Kejadian, Datuk Wan Ahmad Farid Wan Salleh.

Menurut sumber, saman itu difaikan Jabatan Peguam Negara (AGC) mewakili Kerajaan Persekutuan Isnin lalu di Mahkamah Tinggi Kota Bharu berserta dengan sijil perakuan segera.

"Pihak kami menerima salinan pernyataan tuntutan yang disahkan daripada mahkamah pada Selasa dan pihak kami juga dalam proses untuk menyerahkan pernyataan tuntutan itu kepada kerajaan Kelantan dan beberapa defendant lain," katanya.

Beliau berkata ada beberapa defendant telah pun menerima salinan pernyataan tuntutan itu daripada AGC.

Ditanya mengenai prosiding pada 22 Januari ini, sumber itu memberitahu bahawa mahkamah mungkin mendengar permohonan Kerajaan Persekutuan selaku plaintif tunggal dalam saman itu, untuk mendapat perintah injunksi bagi menghalang pencerobohan dan pemusnahan tanah adat demi keuntungan komersial pihak swasta.

Dalam pernyataan tuntutan itu, Kerajaan Persekutuan menamakan Fleet Precision Sdn Bhd, Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan, Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan, Kerajaan Negeri Kelantan, Koperasi Kijang Mas Negeri Kelantan Berhad, KPG Maju Enterprise Sdn Bhd, Ringgit Saksama (M) Sdn Bhd dan M7 Plantation Berhad sebagai defendant pertama hingga kelapan.

BERNAMA



Mohd Amar Nik Abdullah

## Kelantan minta pandangan Penasihat Undang-Undang

**Kota Bharu:** Kerajaan Kelantan akan berbincang dengan Penasihat Undang-Undang mengenai langkah sepatutnya dilakukan berikutnya saman yang difaikan oleh Peguam Negara berhubung hak milik tanah Orang Asli di Gua Musang.

Timbalan Menteri Besar, Datuk Mohd Amar Abdullah, berkata perbincangan dengan Datuk Shahidan Abdul Aziz itu perlu untuk mendapatkan gam-

baran jelas mengenai tindakan saman itu.

"Kita perlu memeriksa dahulu butir-butir dalam saman itu dan atas dasar apa ia dilakukan.

## Tiada tanah adat

"Sepanjang pengetahuan kerajaan negeri, tidak ada tanah adat di Kelantan, walaupun dalam Undang-Undang Tubuh Negeri Kelantan," katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau berkata setiap permohonan berkaitan tanah perlu melalui kerajaan negeri.

"Semua jenis tanah yang diberikan kepada individu termasuk komuniti Orang Asli memerlukan kelulusan kerajaan negeri," katanya.

Beliau mengulas tindakan saman yang difaikan oleh Peguam Negara kerana didakwa melanggar pemilikan tanah suku Temiar di Gua Musang.

BERNAMA